



**TEKS UCAPAN
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.3 TAHUN 2018**

**DISEMPURNAKAN OLEH:
YBHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD
KETUA PENGARAH RISDA**

**TEMPAT: AUDITORIUM SULTAN HJ AHMAD SHAH,
IBU PEJABAT RISDA**

TARIKH: 31 MEI 2018 (KHAMIS)

MASA : 9.00 PAGI

Ybhg. Datuk Dr. Zairossani Bin Mohd Nor
Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia (LGM)

YBhg. Dato' Nasarudin bin Malek,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

YBhg. Encik Abdullah bin Zainal,
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

YBrs. Tn.Hj. Amran bin Jaafar,
Pengarah Bahagian Pengembangan & Pemindahan Teknologi
selaku host Perhimpunan Bulanan RISDA Bil.3 Tahun 2018

Ybhg. Tn.Hj. Sopian bin Abu Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Holdings Sdn.Bhd.

YBhg. Pengarah-Pengarah Bahagian/ Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama mengucapkan rasa syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini bagi

menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Bil. 3/2018. Ribuan terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Pengembangan dan Pemindahan Teknologi kerana berjaya mengatur dan mengadakan majlis dengan baik pada hari ini. Saya juga mengalukan kehadiran Ybhg. Datuk Dr. Zairossani bin Mohd Nor, Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan kumpulan pengurusannya ke majlis kita pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga RISDA yang memberikan sokongan padu dalam menjayakan program-program RISDA bagi memastikan pembangunan sektor komuniti pekebun kecil terus kukuh serta menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil seterusnya membantu mengukuhkan ekonomi negara.

Para hadirin sekalian,

3. Industri getah antara sektor yang tersenarai di dalam Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA) di mana produktiviti getah negara perlu ditingkatkan daripada 1,500 kilogram per hektar kepada 1,800 kilogram per hektar pada tahun 2020. Ini menunjukkan betapa penting dan perlunya industri getah di negara kita ini. Justeru, RISDA selaku peneraju kepada kemajuan pekebun kecil getah mengambil inisiatif dan merangka strategi untuk terus memantapkan ekonomi pekebun kecil. Antara inisiatif

dan strategi yang diatur adalah melalui Amalan Pertanian Baik (*Good Agricultural Practices* - GAP).

4. Amalan Pertanian Baik (GAP) merupakan faktor terpenting bagi memastikan tanaman getah dan sawit mencapai tempoh keremajaan dan meningkatkan produktiviti. Pelaksanaan dan pengamalan GAP yang betul dan mengikut norma-norma yang sesuai serta teknologi-teknologi yang disyorkan perlu diterapkan kepada semua pekebun kecil. Perkara ini telah lama diberi

penekanan oleh pengurusan RISDA melalui 4 bidang tumpuan GAP bermula daripada GAP 1 sehingga GAP 4. Bagi memastikan pelaksanaan dan pengamalan GAP terus dimantapkan, RISDA telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan **GAP 5** iaitu **Strategi Pemasaran Hasil.**

Para hadirin sekalian,

5. Penentuan harga getah dunia dipengaruhi oleh empat (4) faktor utama. Faktor pertama adalah permintaan dimana iaanya bergantung kepada perkembangan ekonomi serta polisi dan dasar kerajaan. Faktor kedua pula adalah penawaran iaitu melibatkan jumlah getah yang dikeluarkan serta stok getah dalam simpanan. Ketidaktentuan pertukaran mata wang adalah faktor ketiga dan seterusnya lain-lain faktor seperti perkembangan pasaran bursa, harga minyak dunia dan penghasilan getah sintetik.

6. Penentuan harga getah harian di Malaysia pula adalah berdasarkan *Singapore Commodity Exchange* (SICOM) selain penentuan harga oleh kuasa-kuasa tertentu seperti *Price Advisory Panel* (PAP) dan *Malaysian Rubber Exchange* (MRE). Namun begitu, RISDA yang selama ini menjaga kebijakan dalam urusan harian pekebun kecil tidak terlibat secara langsung dalam penentuan harga komoditi. Justeru, apakah yang boleh kita lakukan untuk memastikan pekebun kecil - pekebun kecil mendapat jaminan harga yang terbaik?

7. Bagi merungkai persoalan tersebut, kita mewujudkan GAP 5 yang berteraskan lima strategi utama iaitu :
- i. Membentuk pekebun kecil ke arah pemasaran berkelompok.
 - ii. Memberi penerangan secara menyeluruh tentang penentuan harga jualan.
 - iii. Memberi panduan pengeluaran produk mengikut acuan pemasaran.
 - iv. Mewujudkan jalinan kerjasama antara depo dengan pembeli, trader atau pengilang.

- v. Pemprosesan dan pengawetan produk dengan tujuan meningkatkan kualiti hasil.
8. Pemasaran hasil merupakan elemen penting dalam penentuan harga komoditi dan seterusnya memberi kesan langsung kepada pendapatan pekebun kecil. Justeru itu, GAP 5 adalah pelengkap kepada kitaran GAP dalam usaha RISDA untuk memastikan pekebun kecil mendapat tawaran harga ladang yang lebih baik seterusnya merealisasikan pembangunan pekebun

kecil yang lebih mampan meliputi segala aspek. Inisiatif ini membuktikan kesungguhan RISDA dalam membangunkan pekebun kecil ke arah peningkatan pendapatan terbaik yang dapat menjamin kehidupan yang lebih kondusif.

Para hadirin sekalian,

9. Sesuatu kejayaan sukar dicapai sekiranya tiada sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Oleh demikian, pada hari ini, RISDA mengambil inisiatif untuk menjalinkan kerjasama dengan

Lembaga Getah Malaysia melalui memorandum persefahaman yang meliputi bidang kerjasama R & D, penguatkuasaan, latihan, dan keusahawanan.

10. Adalah menjadi harapan RISDA dengan adanya MOU yang akan ditandatangani ini , kerjasama antara RISDA / LGM akan dapat mempertingkatkan usaha merencana pembangunan dan kesejahteraan pekebun kecil seterusnya dapat merubah landskap ekonomi negara. Saya penuh yakin dengan disiplin, dedikasi dan

integriti yang tinggi di miliki oleh semua lapisan pegawai dan kakitangan, matlamat untuk membangunkan Pekebun Kecil akan mencapai kejayaan.

11. Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengarah Bahagian Pengembangan dan Pemindahan Teknologi, jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang telah berusaha serta memberi kerjasama dalam menjayakan Majlis Perhimpunan

Bulanan pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada semua tetamu kehormat daripada Lembaga Getah Malaysia.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.